



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **30 Oct2021 (Saturday)**

### **Berita Harian**

Isu gaji pengaruhi Sarawak?

1

### **Kosmo**

Mohamad Azhan dilantik Datuk Bandar Petaling Jaya ke-6

2

### **Sinar Harian**

MGB lancar rumah mampu milik

3

PKPS tangani isu lambakan buah

4

Selangor FC dapat khabar gembira

5

### **The Edge**

(From left) Selangor state executive councillor

6

### **China Press**

MPK is sympathetic to the plight of the people, the house tax will not increase next year.

7

Amirudin Shari hopes that the 2022 budget can be allocated for flood prevention projects in Selangor

8

As of October 22, 10,416 people have applied for car fare rebates

9

Utama Road will be completed in December after a four-year massive upgrade

10



## KERATAN AKHBAR 30 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Isu gaji pengaruhi Sarawak?
Muka Surat	:	70

### Piala Malaysia

## Sri Pahang, Selangor wajib menang

**Kuala Lumpur:** Empat lagi perlawanan Piala Malaysia yang membabitkan Kumpulan A dan B akan berlangsung malam ini dengan aksi Sri Pahang FC dan Penang FC di Stadium Darul Makmur boleh dianggap sebagai pertembungan paling mencuri tumpuan.

Beraksi di kandang sendiri, Sri Pahang tidak mempunyai alasan lagi untuk menamatkan rekod buruk mereka selepas tewas dalam dua perlawanan awal sebelum ini dan mengelak risiko menjadi antara pasukan tersingkir awal dari saingan pi-

ala berprestij itu musim ini.

Juara Piala Malaysia 2014 itu bergelut dengan masalah prestasi sejak dari awal musim ini apabila menamatkan saingan Liga Super di kedudukan ke-10 selain berada di tangga tercorot Kumpulan A saingan Piala Malaysia ketika ini.

Namun, tugas berat sebenarnya menanti skuad kendalian Dollah Salleh kerana Penang juga sangat memerlukan kemenangan pertama selepas tewas di tangan Sarawak United FC dan seri dengan KL City FC.

Berstatus pasukan dalam

kelompok tiga teratas Liga Super musim ini, prestasi kurang menyerlah yang dipamerkan Penang dalam Piala Malaysia adalah di luar jangkaan dan aksi berdepan Seri Pahang menjadi medan terbaik untuk mereka bangkit.

Satu lagi aksi Kumpulan A juga tidak kurang hebatnya apabila menemukan pasukan liat, KL City FC dan pendahulu kumpulan, Sarawak United di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur.

*Sukan 70*

## Isu gaji pengaruhi Sarawak?

*Dari muka 72*

Biarpun mempamerkan prestasi luar biasa dengan menundukkan dua wakil Liga Super - Penang dan Sri Pahang - namun apa yang menjadi persoalan bagi Sarawak United ketika ini, adakah masalah tunggakan gaji bakal mempengaruhi persembahan skuad itu.

Sekiranya benar apa yang dilaporkan sebelum ini yang mana isu pembayaran gaji sedang diselesaikan pengurusan Sarawak United, mungkin tiada masalah untuk anak buah E Elavarasan meraih keputusan positif jika melihat kepada prestasi mereka dalam dua perlawanan sebelum ini.

Namun, harus diingat bahawa KL City masih tidak pernah tewas di laman sendiri sepanjang musim ini, sekali gus membuktikan mereka bukan lawan yang mudah buat Sarawak United.

Sementara itu, dua aksi dalam Kumpulan B juga menarik apabila Terengganu FC (TFC) akan berdepan Perak di Ipoh, manakala Selangor FC menanti kunjungan Kuching City FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Atas kertas, TFC yang memimpin kumpulan dengan mengumpul enam mata ketika ini dijangka tidak berdepan masalah untuk menjinakkan skuad Bos Gaurus yang dilihat berdepan masalah termasuk kehilangan empat pemain import.

Selangor pula perlu memastikan prestasi mereka berada pada tahap terbaik selepas dilihat mempamerkan persembahan kurang meyakinkan apabila menang tipis 1-0 ke atas Perak sebelum tewas 1-2 di tangan TFC.

Justeru skuad kendalian Karsten Neitzel wajib menang ke atas Kuching City sebagai menyambut kehadiran penyokong mereka di Stadium MBPJ selepas sekian lama 'dilarang' hadir ke stadium akibat COVID-19.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Mohamad Azhan dilantik Datuk Bandar Petaling Jaya ke-6
Muka Surat	:	11

### Mohamad Azhan dilantik Datuk Bandar Petaling Jaya ke-6



**MOHAMAD AZHAN**

**PETALING JAYA** – Mohamad Azhan Md. Azmir telah dilantik sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya yang ke-6 berkuat kuasa pada 21 Oktober lalu.

Pelantikan beliau sebagai Datuk Bandar menggantikan Datuk Mohd. Sayuthi Bakar yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Operasi) pada Mei lalu.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam satu kenyataan berkata, kehadiran Mohamad Azhan amat diperlukan

bagi membolehkan majlis terus memantapkan tahap dan mutu perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat khususnya penduduk di Petaling Jaya.

"Mohamad Azhan, 52, yang berasal dari Johor merupakan lulusan Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Malaysia Sarawak (2007) dan ijazah muda kepujian di Universiti Malaya (1994).

"Beliau juga mempunyai pengalaman berkhidmat selama 24 tahun dalam pelbagai peringkat

pentadbiran negeri dan kementerian selain turut mempunyai Diploma dalam Pentadbiran dan Pengurusan Awam daripada Institut Tadbiran Awam (Intan) (1997)," ujarnya.

Menurut MBPJ, sebelum menyandang jawatan sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya, beliau bertugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan Bencana), Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Jabatan Perdana Menteri bermula 8 April 2020.

"Selain itu, beliau juga

pernah menyandang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2018); Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPM (2018-2020); Timbalan Pengarah Kanan, Cawangan Gunasama, Bahagian Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (2016-2017) dan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri," menurut kenyataan itu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MGB lancar rumah mampu milik
Muka Surat	:	19

# MGB lancar rumah mampu milik

Unit kediaman bertingkat Idaman BSP itu bermula daripada harga RM250,000

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI



**M**GB Berhad (MGB) anak syarikat LBS Bina Group Berhad (LBS) melancarkan Idaman BSP di Bandar Saujana Putra (Idaman BSP) yang merupakan pelancaran pertama daripada keseluruhan enam projek Rumah Selangorku Idaman MBI.

MGB dalam satu kenyataan berkata, projek itu terdiri daripada 7,210 unit rumah mampu milik yang akan menggunakan teknologi konkrit pratuang Sistem Binaan Berindustri MGB (IBS).

"MGB melalui jalinan usaha sama dengan PNSB Construction Sdn Bhd telah membentuk Konsortium PCSB-MGB dengan matlamat untuk membina rumah mampu milik Rumah Selangorku Idaman MBI di lokasi strategik yang dilengkapi kemudahan asas.

"Rumah Selangorku Idaman MBI, terdiri daripada Idaman BSP (Bandar Saujana Putra), Idaman KITA (Cybersouth), Idaman Perdana (Alam Perdana), Idaman Cahaya (Shah Alam), Idaman Sari (Puchong) dan Idaman Melur (Cybersouth), merupakan kediaman bertingkat yang bermula daripada RM250,000 dengan tiga bilik dan dua bilik air berukuran minimum binaan ber-

mula daripada 1,000 kaki persegi (92.90 meter persegi) bagi setiap unit," jelas kenyataan itu pada Khamis.

Menurut kenyataan itu, setiap unit tersebut juga dilengkapi dengan dua parkir kereta, tiga unit penyaman udara, satu unit televisyen dan kabinet televisyen, kabinet dapur, tiga almari, peti sejuk dan dua unit pemanas air.

Sementara itu, Naib Pengerusi Eksekutif Kumpulan MGB, Tan Sri Lim Hock San berkata, MGB turut merancang melancarkan lima lagi projek Rumah Selangorku Idaman MBI menjelang tahun 2022.

"MGB berbesar hati untuk melancarkan projek Idaman BSP pada suku keempat 2021 dan menyokong matlamat kerajaan negeri Selangor untuk membina 30,000 rumah mampu milik menjelang tahun 2025.

"Bertepatan dengan keadaan pandemik yang semakin pulih, ini merupakan masa ideal untuk melakukan pelancaran projek ini.

"Kami berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan projek-projek ini dan memberi tumpuan khusus ke atas kualiti, kecekapan serta menepati jadual yang telah

ditetapkan bagi memastikan kelancaran semua pembinaan projek Rumah Selangorku Idaman MBI ini," katanya.

Beliau berkata, MGB banyak melabur dalam sistem IBS dan menaik taraf kilang IBSnya untuk meningkatkan kapasiti kepada 6,000 unit IBS setiap tahun.

"Ini sejajar dengan matlamat kami untuk menjadi pembina perumahan terkemuka melalui sistem IBS kami. Dalam mengorak langkah ke masa hadapan, MGB bersedia untuk membina lebih banyak projek Rumah Selangorku Idaman MBI bagimemastikan pengisian tempahan rumah kami secara berterusan bagi tahun-tahun ke hadapan akan datang," katanya.

Rumah Selangorku Idaman MBI adalah inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan rumah mampu milik kepada mereka yang layak.

Di bawah inisiatif ini, warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan pendapatan isi rumah antara RM3,001 hingga RM10,000 sebulan dan pembeli rumah kali pertama di Selangor boleh membuat permohonan.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PKPS tangani isu lambakan buah
Muka Surat	:	27

## PKPS tangani isu lambakan buah

Pihak PKPS akan membeli hasil tersebut untuk dipasarkan terutama ke kawasan PKPD

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

**AMPANG**



**MOHAMAD KHAIRIL**



**RAZALI**

Penganjuran pesta buah-buahan oleh *Selangor Fruit Valley* dilihat sebagai salah satu inisiatif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk menangani isu lambakan buah-buahan yang berlaku dalam kalangan petani di Selangor ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, pihaknya turut membantu para petani yang mengalami masalah lambakan buah dengan membeli hasil tersebut untuk dipasarkan dan diberikan kepada kawasan terlibat dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menurutnya, sebanyak RM200,000 diperuntukkan untuk usaha tersebut bagi memastikan para petani yang mempunyai isu lambakan buah ini tidak mengalami kerugian dan hasil mereka dibuang begitu sahaja.

"Jika para petani mendapati



**Razali (dua dari kanan) ketika merasmikan Pesta Buah-buahan Selangor Fruit Valley di Grand Barakah Hotel, Ampang pada Jumaat.**

terdapat lambakan buah yang banyak, mereka akan terus menghubungi PKPS untuk memaklumkan kepada kami dan pembelian terus dibuat.

"Sehingga kini, sebanyak RM200,000 pembelian buah-buahan dibuat yang kemudiannya dipasarkan dan diberikan kepada kawasan-kawasan terkesan akibat pandemik Covid-19 seperti lokaliti PKPD di Selangor," katanya ketika ditemui di Grand Barakah Hotel, di sini pada Jumaat.

Mohamad Khairil berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Tourism Selangor untuk mempromosikan buah-buahan tempatan di beberapa lokasi di Selangor menerusi pesta buah-buahan tempatan tersebut.

Ujarnya, program berkenaan diharap dapat memajukan perkembangan sektor pelancongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Saya boleh berikan jaminan bahawa program-program sebegini akan diadakan di setiap

tempat di Selangor dan kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mempromosikan buah-buahan dari ladang PKPS sebagai satu daya tarikan sektor pelancongan.

"Selepas ini, kita akan bekerjasama dengan pihak Tourism Selangor untuk mempromosikan buah-buahan tempatan pada setiap minggu di tempat-tempat yang akan ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Eksekutif Grand Barakah Hotel, Datuk Seri Razali Md Sham mengalu-alukan penduduk Lembah Klang, khususnya di sekitar kawasan Ampang untuk datang ke hotelnya bermula Jumaat hingga Ahad bagi mendapatkan buah-buahan tempatan pada harga yang berpatutan.

"Selepas ini, kita akan buka sebuah reruai untuk menjual buah-buahan tempatan setiap hari yang dikeluarkan oleh *Selangor Fruit Valley* dengan harga yang berpatutan berbanding harga pasaran," katanya.



## KERATAN AKHBAR 30 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor FC dapat khabar gembira
Muka Surat	:	39

### Selangor FC dapat khabar gembira

**BEBERAPA** tonggak utama Selangor FC kembali memperkuat skuad *The Red Giants* menjelang pertemuan menentang Kuching City FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Kelana Jaya pada Sabtu, lapor **MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN**.

Pengurus Selangor FC, Mahfizul Rusydin Abdul Rashid berkata, pemain import, Oliver Buff selain Syahrel Fikri dan Syahmi Safari kini sudah mula menjalani latihan selepas bebas daripada kecederaan yang dialami sebelum ini.

Namun, beliau memberitahu, barisan kejurulatihan Selangor FC masih menilai tahap kecergasan ketiga-tiga pemain berkenaan sebelum membuat keputusan untuk menurunkan mereka atau sebaliknya.


“Beberapa pemain yang mengalami kecederaan sebelum ini seperti Oliver Buff, Shahrel Fikri, Syahmi Safari sudah mula menjalani latihan bersama pemain-pemain lain.

“Tetapi kami tidak mahu mengambil risiko memandangkan mereka baru pulih. Sudah tentu ketua jurulatih (Karsten Neitzel) ada perancangannya yang tersendiri untuk menyenaraikan barisan pemain terbaik berdepan Kuching City.

“Saya cuma berharap kami tidak menghadapi masalah kecederaan membabitkan pemain utama selepas ini. Sebab sasaran kami sekarang layak ke suku akhir Piala Malaysia,” katanya kepada Sukan Sinar pada Jumaat.

Selepas mengharungi dua perlawanan, Selangor FC kini berada di kedudukan kedua Kumpulan B apabila mengutip tiga mata hasil daripada satu kemenangan dan satu kekalahan.

Dalam pada itu, Mahfizul Rusydin berkata,



**BUFF**

ketiadaan beberapa tenaga muda seperti Muhammad Mukhairi Ajmal Mahadi, Sikh Izhan Nazrel Sikh Azman dan Ahmad Zikri Mohd Khalili yang kini bersama skuad Bawah 22 (B-23) negara tidak akan merencatkan perancangan Selangor FC.

“Secara keseluruhannya, ketiadaan mereka tidak banyak memberi kesan kepada pasukan. Ini kerana pemain seperti Aliff Haiqal Lau, Nik Sharif Haseefy, K. Sarakunan, malah Alex (Azamuddin Akil) mampu mengisi posisi yang ditinggalkan mereka,” ujarnya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 1 November 2021

Akhbar	:	The Edge
Tajuk Berita	:	(From left) Selangor state executive councillor
Muka Surat	:	85

2 (From left) Selangor state executive councillor Datuk Teng Chang Khim, Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and Invest Selangor Bhd CEO Datuk Hasan Azhari Idris at the launch event of the Selangor Aviation Show 2021, which will be held on Nov 5 to 27 at the SkyPark Regional Aviation Centre in Subang.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 October 2021</b>		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	MPK is sympathetic to the plight of the people, the house tax will not increase next year.
Muka Surat	:	1

• 巴生市議會常月會議 •

體恤民困 · 展延落實

# 明年門牌稅不漲

(巴生28日訊) 新冠肺炎疫情冲击各行各业和普罗大众, 巴生市议会体恤市民困苦, 宣布展延落实门牌税新税率, 明年不会调涨门牌税!

巴生市议会主席阿末法兹里今日向媒体披露, 雪州各地方政府已获州政府指示, 进行门牌税重新评估。他说, 多个地方政府已根据指示,

调整门牌税, 新税率也会从明年1月1日起, 开始生效。

“尽管巴生市议会目前所使用的税率, 已28年没有调整, 不过我们已经向雪州经济策划单位 (UPEN) 提出申请, 把原本应该从明年1月1日调整的税率, 展延到适当的年份才落实。”

他说, 这也意味, 明年 (2022年) 的门牌税维持原有税率, 巴生居民和商家不用担心来年门牌税调涨。

他说, 巴生区共有超过20万个需要付税的产业, 他希望巴生市民能够尽公民责任, 准时缴交门牌税, 确保地方发展持续延续。

### 勸導業主繳稅

“我们确实对一些业主冥顽不灵, 甚至没有缴过门牌税, 不过市议会并不急于展开对付行动, 还是会以

劝告方式, 劝导业主缴税。”

他指出, 针对拒绝缴付门牌税者, 市议会有权利充公他们的产业, 而他要专责割名, 也必须先缴清税务。

他也提到, 市议会每年发出的门牌税单, 成本高达百万令吉, 因此市议会也正在考虑其它途径, 例如通过WhatsApp发送税单, 以便节省成本。



■ 议, 商过区内的大小民生课题  
 巴生市议会召开10月份常月会





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**29 October 2021**

Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	Amirudin Shari hopes that the 2022 budget can be allocated for flood prevention projects in Selangor
Muka Surat	:	3

# 阿米魯丁冀預算案 撥款雪州防洪計劃

(吉隆坡28日讯)雪州政府希望明日公布的2022年财政预算案,可拨款给雪州进行防洪计划。

雪州大臣拿督斯里阿米魯丁说,州政府早前曾向中央政府申请13亿令吉拨款,以进行雪州防洪计划,他相信所建议的防洪计划可以一次性或分阶段进行。

他今日为雪州自由业计划主持推荐后指出,雪州作为太空领域探索的先锋州,希望中央政府可拨出特别款项支持太空领域的相关发展。

他说,州政府也希望巴生

凯丽岛第3个码头发展计划可以顺利进行,因为这项计划将为我国投资领域带来具大优势。

## 吁放宽道路維修申請

针对基本设施提升工程,他希望大马道路档案系统(MARRIS)所设的条件,可放宽道路维修申请条件。

他认为,若当局可放宽申请条件,很多问题可以解决,如提升铺路工程素质,避免路洞问题,他也希望中央政府拨款提升其他基本设施如建设学校和桥梁。



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 29 October 2021

Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	As of October 22, 10,416 people have applied for car fare rebates
Muka Surat	:	3

# 截至10月22日 1萬416人 申領車資回扣

(莎阿南28日讯)雪州大臣机构(MBI)指出,截至10月22日,使用电召车去接种新冠肺炎疫苗,并获得20令吉车资回扣者有1万416人,而同时时间申请人数则有1万4307人。

据《当今雪州》报导,该机构负责人阿末阿兹里指出,共有1万610名申请者成功申领这回扣,回扣总额为10万1254令吉。

他指出,这项计划获得不俗反应,同时鼓励更多

人在11月30日前,争取申请这项回扣来接种疫苗。

这项接种疫苗车资回扣计划是联合Grab合作,申请者前往接种中心的车资可获得20令吉回扣,家长也可为孩子作出申请。

报导指出,在此前,州政府也在“我们的雪兰莪2.0”配套中拨款100万令吉,并在6月20日开放给州内50岁以上人士申请做前往接种疫苗的车资。

不过,雪州大臣拿督斯里阿米鲁丁在6月6日时宣布,这项配套拨款将开放给所有人民申请,无计年龄。

这项配套在6月20日开放申请后,让雪隆两地人民在7月1日至9月30日期间去疫苗中心接种,这项津贴申请可透过 [rebatpengangkutangrabvaksin.borangbiselangor.com](http://rebatpengangkutangrabvaksin.borangbiselangor.com) 申请。



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsg@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 October 2021</b>		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	Utama Road will be completed in December after a four-year massive upgrade
Muka Surat	:	4

C4 **中國報**



工程。等人，  
 方年泰（前排左起）、王奕翔及欧阳捍华  
 同捷运公司人员勘察乌达玛路改道

# 大規模改道歷時4年 提升烏達瑪路 12月竣工

（沙登28日讯）配合第二捷运工程，沙登拉也乌达玛路（Jalan Utama）展开大规模的改道工程历时4年，如今已趋完成，道路设施预料今年年底将全面竣工。

史里肯邦安区州议员欧阳捍华指出，这项道路工程自2017年动工，配合兴建沙登拉也2座捷运站工程，梳邦再也市政厅要求捷运公司提升乌达玛路，以迎合车流量及加强路段安全。

他说，乌达玛路的路段已铺设完毕，来回方向的2条车道已增至3条，如今有待测试红绿灯、安装路灯设施及开放社区路口，经大规模提升的乌达玛路，预料在今年12月全面竣工。

### 增設2個U轉

欧阳捍华今年随同捷运公司人员，勘察乌达玛路改道工程，这么指出。出席者包括梳邦再也市议员王奕翔和郑永德、沙登新村管委会主席方年泰及秘书郭义祥等。

欧阳捍华指出，提升后的乌达玛路增设2个U转，分别坐落在沙登大街路口及SR 2/1路口对面，2个U转相隔不及1公里。

■乌达玛路增设路口红绿灯，可供车辆U转，让驾驶人士转至捷运站。

“沙登拉也多个住宅区出入口都衔接乌达玛路，增设U转让车辆更安全转入反方向车道，对居民安全非常重要。”

他指出，乌达玛路已增设2个路口红绿灯，也可供车辆U转，让驾驶人士转至捷运站。

他说，在上下班时段，乌达玛路都处于交通繁忙状态，增设的红绿灯在未来数星期

会投入测试，希望能降低该路段的车祸率。

他指出，他会在红绿灯测试期间，密切关注乌达玛路交通流量状况，一旦发现启用红绿灯造成路段交通堵塞，将暂时关闭路口。

## 歐陽捍華要求捷運公司 關注突發水災問題

欧阳捍华指出，在捷运站施工期间，沙登拉也乌达玛路多次出现突发水灾，他会要求捷运公司方面关注水灾情况。

他说，随着提升乌达玛路工程已趋尾声，突发水灾情况已大大减少。

他指出，在捷运站施工期间，当地一些空地被填上混凝土，导致雨天排水受影响，他会来这几个月内密切关注该路段发生水灾的状况。

他说，沙登拉也的捷运站工程尚在进行，预计至2023年1月才开放让民众使用。



■历时4年，大规模的乌达玛路改道工程已趋完成，道路设施预料今年年底将全面竣工。